

DATE 25/9/2009

Pembangking berhak desak Hassan keluar pakatan - Dr. M

UM-25/9/2009

KUALA LANGAT 24 Sept. - Pemimpin pakatan pembangkang berhak untuk terus mendesak Datuk Dr. Hassan Mohamed Ali meninggalkan pakatan itu jika Pesuruhjaya Pas Selangor itu tidak lagi mampu bekerjasama dengan wakil rakyat DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, perkara itu (mendesak Hassan keluar pakatan) terpolung kepada mereka kerana sepatutnya pakatan itu perlu ada persefahaman sesama sendiri.

"Kalau tak boleh pakat, macam mana nak ada pakatan? Dia kena pakat," kata beliau kepada pemberita selepas melawat ke Limbungan NGV Tech di Batu 7, Sijangkang di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai desakan supaya Hassan berundur daripada pakatan pembangkang berikutan kritiknya terhadap Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat).

Desakan yang disiarkan oleh sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini dibuat beberapa pemimpin pakatan pembangkang termasuk Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Mohd. Azmin Ali dan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.

Menurut Dr. Mahathir, apa yang menjadi

masalah kepada pakatan pembangkang di Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan ialah mereka hanya menjalinkan kerjasama bersandarkan suatu pakatan atau ikatan yang tidak rasmi.

"Bagi orang Melayu kalau nak berpakat, selalunya pakatan nak buat benda tak baik. Begitulah pakatan pembangkang. Setiap mereka ada haluan berbeza.

"Jadi, adalah satu bencana bagi negara ini jika pembangkang menang (pilihan raya umum) dan membentuk kerajaan. Mereka tidak akan mentadbir negara ini, tetapi akan bergaduh sesama sendiri.

"Pas berbalah dengan DAP, manakala DAP berbalah dengan PKR. Mereka tidak ada idea langsung untuk mentadbir kerajaan," ujar beliau.

Ditanya kemungkinan UMNO akan menerima kembali Hassan jika Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia itu meninggalkan pakatan pembangkang, beliau berkata, itu mungkin tidak berlaku.

"Tidak.. Bukan Hassan Ali. Saya ada pengalaman dengan beliau.

"Kerajaan sudah belanja RM1 juta untuk dia dapatkan ijazah kedoktoran, selepas itu, dia membangkang kerajaan. Di negara ini, ahli politik tidak pernah tahu untuk berterima kasih," jelasnya.



DR. MAHATHIR Mohamad diiringi Pengerusi Syarikat NGV Tech Sdn. Bhd., Zulkifli Shariff melawat kawasan limbungan kapal syarikat itu di Sijangkang, Kuala Langat, semalam.